



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i



Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 19 Mac 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# 'Artis muda tak faham soal royalti, hak cipta'

**Majlis Advokasi Royalti Muzik pupuk kesedaran lindungi penggiat seni tanah air**

Oleh Fatin Farhana Ariffin  
 fatin.farhana@bh.com.my

**Jumlah** pendaftaran hak cipta membabitkan karya muzik dan rakaman bunyi agak rendah, sekaligus gus membuktikan kesedaran serta kefahaman dalam kalangan penggiat seni khususnya artis muda belum meluas.

Sehubungan itu, Majlis Advokasi Royalti Muzik anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bertemu sebagian strategi dilaksanakan oleh Kementerian Perlengkapan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) untuk mengukuhkan perundungan hak cipta penggiat seni.

Menteri berkata, Datuk Arminza Mohd Ali berkata, pihaknya melihat pencapaian objektif pengukuhan perlindungan hak

cipta memerlukan kesedaran, pemahaman dan pembabitan golongan sasaran dalam kalangan penggiat seni khususnya komposer, penulis lagu, artis, penerbit dan penyiar rakaman.

Ini berikut fungsi MyIPO mendafatarkan harta intelek termasuk hak cipta dan menguatkuaskan undang-undang berkaitan serta menggerakkan advokasi kesedaran dan pendidikan berhubung harta intelek.

"KPDN dan MyIPO mengadakan advokasi berkaitan royalti muzik sebagai strategi untuk memastikan kami dapat menyumbang kefahaman, kesedaran dan pembabitan dalam kalangan *stakeholder* khususnya penggiat seni mengenai hak terkandung mengikut Akta Hak Cipta 1987.

"Ini disebabkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan penggiat seni khususnya artis muda belum meluas. Mereka masih dengan heran dan bingung, namun belum memahami apakah sebenarnya hak mereka sebagaimana terkandung dalam perundungan."

"Jadi, program ini cukup penting untuk diteruskan ke pelbagai peringkat. Ia juga mengukur keberkesanannya MyIPO dan KPDN dalam sektor penguatan

melindungi hak cipta dan harta intelek," katanya yang ditutup pada Majlis Advokasi Royalti Muzik di Putrajaya, kelmarin.

Berminatnya Arminza berkenaan berkata, usaha itu bergantung kepada kerjasama penggiat seni. Berikut itu, pihaknya menutup sokongan penggiat seni lebih lagi, melihat jumlah pendaftaran hak cipta agak rendah terutama hak cipta membabitkan karya muzik dan rakaman bunyi.

"Antara Januari 2023 hingga Februari 2025, kami menerima 17,402 permohonan pendaftaran hak cipta. Hak cipta ini terbahagi kepada tujuh komponen. Dua daripadanya, karya muzik dan rakaman bunyi.

"Karya muzik hanya mencatatkan 170 pendaftaran dan rakaman bunyi (146).

"Malah jumlah ini membuatkan kami merasakan peringatan usaha advokasi penggiat seni perlu membaikinya ekosistem ini, misalnya sesetiap karya dihasilkan dan perlu pemilik karya mendafatarkan hak cipta," katanya.

**Perkenal sistem CR2U**  
 Arminza berkata, kini tiada lagi alasan dari segi pendaftaran yang boleh dijadikan isu kerana pihak-

nya sudah melaksanakan pembaharuan dalam proses pendaftaran hak cipta.

Menurutnya, memudahkan proses pendaftaran, MyIPO memperkenalkan sistem dalam talian *Copyright to You* (CR2U), yang mempercepatkan tempoh pendaftaran dan notifikasi hak cipta dijadipada tempoh tiga hingga enam bulan kepada 30 minit sejak dibuat permohonan lengkap dibuat.

"Kami sudah perubahan dari segi urusan pendaftaran Sebelum ini, pendaftaran dibuat secara fizikal, tapi sekadar ada sistem dalam talian menerusi program CR2U," katanya.

Sejak diperkenal penghujung 2023, pendaftaran hak cipta mempunyai peningkatan kepada 9,368 pada 2024 berbanding 6,807 pada 2023.

Sementara itu, berkongsi mengenai kontroversi berkaitan hak cipta saeon kolektif atau *Collective Management Organization* (CMO) Arminza berkata, pihaknya sudah melaksanakan penggalan Garis Panduan Pengoperasian CMO bagi proses untuk memperkuatkan pengurusan royalti muzik.

Katanya, inisiatif itu dilaksanakan susulan daripada pelbagai

aduan dan isu yang berbangkit sejak sekian lama termasuk daripada artis.

"CMO dileskem di bawah Akta Hak Cipta oleh MyIPO, di mana CMO boleh diwujudkan mewakili pemilik karya untuk mengutip daripada pengguna karya. "Sebelum ini, tiada garis panduan, di mana kami lesen dan mereka boleh bergerak menerusi perlembagaan masing-masing.

"Namun, kami dengan perihal isu berbangkit, terutama berkaitan agihan, royalti dan tempoh agihan sekjagak diwujudkan.

"Ada juga isu berkaitan pengguna karya seperti hotel dan sebagainya. Maka, kami lihat perlu untuk membuat mekanisme tertentu dan sebuah istilah pindakan ke atas Akta Hak Cipta 1987 dibuat yang berkukuh pada Mac 2022 dengan diwujudkan klausanya di dalam Seksyen 27A."

"Di bawah seksyen 27A, MyIPO mempunyai kuasa untuk mewujudkan garis panduan," katanya. "Peruntukan baharu itu memberikan kuasa kepada pengawal iaitu MyIPO mengeluarkan garis panduan mengenai apa-apa perkara berhubungan dengan perisytiharan dan pengendalian CMO.

*Lihat muka 35*



Arminza menyampaikan sumbangan kepada karyawan ketika menghadiri Majlis Advokasi Royalti Muzik di ibu negara, kelmarin.

**Libat urus menyeluruh muktamadkan garis panduan**

*Dari muka 34*

Sebelum ini, MyIPO hanya dibekalkan kuasa untuk meseleankan CMO dan tidak ada sebarang garis panduan pengoperasian.

Melaini peruntukan undang-undang baharu dihibuskan dan mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022, MyIPO diberikan punca kuasa mewujudkan garis panduan untuk memastikan pengoperasian CMO diperkuatkan dengan memepati kepentingan semua pihak termasuk artis, komposer dan pelulus lirik.

Arminza berkata, objektif garis panduan itu untuk memastikan pengukuhan menyeluruh pengeleolaan CMO termasuk aspek penentuan kadar dan proses agihan royalti.

"Saya suarakan pada MyIPO, isni lama ini perlu diselesaikan. Jadi, saya tidak selgasnya untuk libatkan yang mempunyai dengan segera. Kami juga meminta maklum garis panduan ini bukan hanya mendengar satu sara sahaja, tapi secara menyeluruh.

"Ini adalah penting sebab kami menguruskan punca rezeki orang. Kami sedar karya dan bakat adalah harta serta sumber rezeki. Jadi, kami perlu bertanggungjawab atas harta dan sumber rezeki dapat memberikan pulangan kepada pemiliknya, bukan hanya di sepanjang tempoh akif, namun selagi karya diguna pakai oleh pengguna."

"Isi ini sudah berlariutan sejak lama, kasihan kepada pengkarya. Jadi, kami perlu memastikan tadbir urus lebih baik dalam menjaga kepentingan setiap pengguna," katanya.

## KPDN bongkar stor haram seleweng LPG

**SHAH ALAM** - Satu sindiket terlibat dalam aktiviti penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) berjaya ditumpaskan susulan satu serbuan ke atas sebuah stor haram di Jalan Kampung Jawa di sini pada Jumaat lalu.

Ketua Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, serbuan sekitar jam 7 petang itu hasil risikan yang dilakukan selama tiga minggu oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati, premis ini dijadikan stor haram untuk menjalankan aktiviti pemindahan LPG bersubsidi ke dalam tong LPG berkapasiti 50 kilogram (kg) bagi kegunaan industri," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Menurutnya, peralatan seperti hos penyambung ditemui dan dipercayai digunakan dalam aktiviti pemindahan tersebut.

"Beberapa peralatan digunakan untuk kegiatan ini termasuk tiga lori disita untuk tujuan siasatan lanjut.

"Sebanyak 608 tong LPG disita melibatkan jumlah rampasan LPG dianggarkan 5,864kg bernilai RM14,565," katanya.



Penguatkuasa KPDN Putrajaya memeriksa tong LPG bersubsidi disyaki diseleweng dalam serbuan di stor haram di Jalan Kampung Jawa, Shah Alam.

Mengulas lanjut Azman berkata, seramai empat lelaki termasuk seorang warga asing merupakan pekerja di premis tersebut ditahan bagi membantu siasatan.

"Semua suspek berusia antara 25 hingga 45 tahun disyaki bekerja di premis yang baru dua bulan beroperasi," katanya.

Sehubungan itu beliau berkata, satu kertas siasatan dibuka

mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan.

"Syarikat ini juga akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 20010)," katanya lagi.



HARI: RABU

TARIKH: 19/3/2025

M/SURAT: 2

ANGGOTA penguat kuasa KPDN memeriksa tong LPG bersubsidi yang disyaki diseleweng dalam serbuan di sebuah stor haram di Shah Alam.



## **Stor haram jadi lokasi seleweng LPG**

**Shah Alam:** Pihak berkuasa berjaya membongkarkan taktik sindiket penyeleweng gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi yang menjadikan stor haram di Jalan Kampung Jawa di sini untuk menjalankan aktiviti mereka, Jumaat lalu.

Ia dibongkar pasukan peguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Putrajaya yang menahan empat individu serta merampas barang kawalan bersubsidi itu dianggarkan bernilai RM200,000.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan ki-

ra-kira 7 malam dilakukan hasil risikan selama tiga minggu.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati stor haram berkenaan dijadikan lokasi aktiviti *decanting* iaitu pemindahan gas LPG bersubsidi seberat 14 kilogram (kg) yang digunakan untuk isi rumah ke dalam tong LPG dengan kapasiti 50 kg bagi kegunaan industri.

"Pasukan operasi turut menemui pelbagai peralatan termasuk hos penyambung yang dipercayai digunakan untuk aktiviti berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Di samping itu, Azman

berkata, seramai empat lelaki termasuk seorang wanita asing berusia antara 25 hingga 45 tahun yang berperanan sebagai pekerja premis ditahan untuk membantu siasatan.

Selain itu, katanya, pihaknya turut menyita 608 tong LPG seberat 5,864 kg dan tiga lor dengan nilai keseluruhan sitaan dianggarkan RM200,000.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati premis berkenaan beroperasi sejak awal tahun ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan Akta Pencegahan

Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001.

"KPDN akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menyeleweng barang kawalan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat," katanya.

Untuk rekod, sebanyak 269 kes dihasilkan menerusi pelaksanaan Ops Tiris 3.0 sepanjang tempoh 1 Januari 2024 sehingga 28 Februari lalu membabitkan nilai rampasan keseluruhan RM1.64 juta.

# Nearly 6,000kg of subsidised LPG seized

**PETALING JAYA:** Almost 6,000kg of subsidised liquefied petroleum gas (LPG) meant for households has been seized following a raid on an illegal decanting facility by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

The ministry's director-general for enforcement, Datuk Azman Adam, said the raid on a premises in Jalan Kampung Jawa in Shah Alam on March 14 saw the seizure of 608 LPG cylinders containing around 5,864kg of LPG worth RM14,565.

He said a number of items used in the operation, including three trucks and decanting equipment, were also seized, with the total value of the entire seizure estimated to exceed RM200,000.

He also revealed that three Malaysian men and one foreign national, aged between 25 and 45, working at the premises were arrested. They are suspected to have been operating for at least two months.

An initial inspection of the premises revealed that it was being used as an illegal storage facility for decanting activities, specifically the transfer of subsidised LPG (for household use) into 50kg LPG cylinders intended for industrial use.

"The raid was then conducted by a team of the ministry's enforcement officers after three weeks of intelligence gathering on the premises prior to the operation.

"Equipment such as connecting hoses was also found and is believed to have been used in the decanting activity," he said.



**Illicit business:** KPDN enforcement officers inspecting seized LPG cylinders during a raid on a illegal decanting facility in Jalan Kampung Jawa in Shah Alam.

He added that investigation papers have since been opened under Section 22(1) of the Control of Supplies Act for the possession of controlled goods with the intent to commit an offence.

If found guilty, first-time offenders can be fined up to RM1mil or three years of imprisonment or both, while companies can be fined up to RM2mil.

He said the company involved would also be investigated under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act for any profits related to the misappropriation of the subsidised LPG.

He also encouraged the public to report any information related

to the misappropriation of controlled and subsidised goods through channels like WhatsApp 019-848 8000; the ministry call centre 1800 88 6800; the ministry e-complaint portal at <http://eaduan.kpdn.gov.my>; or the Ez ADU KPDN mobile application.

"The ministry will continue to intensify its monitoring and enforcement efforts to ensure that no party misappropriates subsidised controlled goods meant for the benefit of the public," he added.

HARI:

RABU

TARIKH:

19/3/2025

M/SURAT:

4

出，初步调查显示，位于沙亚南甘榜爪哇路的非法场所已运营2个月。（内贸部提供）



内贸部在沙亚南甘榜爪哇路的一处非法储存点查获608个煤气桶，估计煤气总量约5864公斤，价值约1万4565令吉。（内贸部提供）



# 補貼煤氣灌入工業桶

## 内貿部突擊非法儲存點捕4人

（布城18日讯）国内贸易及消费部上周五（14日）突击沙亚南甘榜爪哇路的一处非法储存点，成功捣破一宗滥用补贴家用煤气（LPG，液化石油气）的案件，整体查获物品的总价值超过20万令吉。

该部执法总监拿督阿兹曼说，执法人员已缴获多项涉案设备，包括3辆罗里，以展开进一步调查。

“另外，我们还查获608个煤气桶，估计煤气总量约5864公斤，价值约1万4565令吉。”

阿兹曼今日发文告指出，4名年龄介于25至45岁的男子被扣查，其中1人为外籍人士，3人为我国公民。

“该案件已根据1961年供应管制法令第21条文和2001年反洗黑钱、反恐融资及非法活动收益法令进行调查。”

他补充，布城执法组是在经过3周的情报搜集后展开行动，初步调查发现，

该场所已非法运营2个月。

“他们主要进行换桶（decanting）活动，即把家庭使用的补贴煤气，转移到容量50公斤的工业用煤气桶中。”

### 起“换桶”设备

阿兹曼指出，执法人员在现场发现用于“换桶”的设备，包括连接软管，并相信是用于14公斤补贴煤气转移至50公斤的工业气桶。

“据1961年供应管制法令第21条文，个人一旦罪成，可被判最高罚款100万令吉，监禁最高可达3年，或两者兼施；再犯者可被判罚款最高300万令吉，监禁最高可达5年，或两者并罚。”

“至于公司，一旦罪成将面临最高罚款200万令吉，若再犯罚款可增至500万令吉。”

他说，涉案公司还将在2001年反洗黑钱、反恐融资及非法活动收益法令下接受调查，旨在侦查、冻结、扣押，甚至没收任何通过非法活动所得的收入或

财产。

“如果公司违反有关法令，最高刑罚为监禁不超过15年，罚款为非法活动所得的5倍或500万令吉，以较高者为准。”

阿兹曼透露，据全国填补漏洞行动3.0（Ops Tiris 3.0）执法统计数据，当局于去年1月1日至今年2月28日期间共查获269宗案件，扣押约13万令吉的煤气，总值164万。

“这是反操纵与泄密（Kita Gempur）计划的一部分。该倡议于2024年10月19日启动，旨在打击涉及管制和补贴商品的滥用和商业操控行为。”

他强调，部门将继续加强监控和执法，确保补贴商品不会被不法分子滥用，而是能够惠及真正需要的民众。

“若民众知悉任何相关违法活动，可通过以下途径向内贸部举报：WhatsApp（019-848 8000）、电子举报平台（<http://eaduan.kpdn.gov.my>）、客服中心（1-800-886-800），或使用手机应用程序（Ez ADU）。”

## Padah jual beg LV, Gucci tiruan

**SEBERANG PERAI** – Tindakan pemilik premis menjual koleksi barang mewah tiruan mengundang padah apabila diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang di kawasan Perda di sini, kelmarin.

Dalam operasi kira-kira pukul 11.30 pagi itu, sebanyak 171 unit barang tiruan seperti kasut, beg tangan, tudung dan dompet daripada jenama Louis Vuitton (LV), Yves Saint Laurent (YSL), Gucci, Balenciaga dan Chanel disita.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, operasi tersebut dijalankan susulan aduan daripada Biro Pengaduan Awam (BPA) dan tu-

rut disertai dua wakil pengadu dari Global Trade Shields (GTS).

Menurutnya, hasil pemerhatian mendapati premis tersebut sedang beroperasi dan terdapat lima jenama terkenal berdaftar di bawah GTS iaitu LV, YSL, Gucci, Balenciaga serta Chanel dipamerkan untuk jualan.

“Namun, pemeriksaan lanjut mendapati barang-barangan tersebut menggunakan jenama-jenama berkenaan secara tidak sah, melanggar Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).


“Selain itu, beberapa dokumen perniagaan turut disita bagi membantu siasatan. Jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM36,642,”

katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, katanya lagi, pemilik perniagaan iaitu seorang wanita tempatan turut hadir ke lokasi selepas dihubungi untuk memberikan kerjasama dalam siasatan lanjut.

“Operasi ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR, yang telah dilancarkan pada 19 Oktober 2024 bagi bertujuan membanteras penipuan dan penjualan barang tiruan dalam pasaran.

“KPDN menasihati semua pihak agar tidak terlibat dalam aktiviti penjualan barang tiruan yang bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi juga berisiko membahayakan pengguna,” tambahnya.



**PENGUAT** Kuasa KPDN Pulau Pinang ketika operasi di premis menjual barang mewah tiruan di kawasan Perda, Bukit Mertajam kelmarin.

## Simpan 44,000 liter diesel tanpa lesen, peniaga didenda RM90,000

LABUAN: Seorang peniaga kecil didenda RM90,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas tiga pertuduhan memiliki barang kawalan berjadual iaitu 44,000 liter diesel tanpa lesen sah, dua tahun lepas.

Hakim Marlina Ibrahim menjatuhkan hukuman itu terhadap Tee Neng Yee, 33, selepas dia membuat pengakuan menyimpan 40,000 liter dan masing-masing 2,000 liter dalam tangki flexi serta IBC di sebuah kawasan perindustrian di Kampung Sungai Bangat di sini pada jam 1 tengah hari, 27 Mac 2023.

Tertuduh dikenakan hukuman denda RM60,000 atau penjara 12 bulan bagi pertuduhan pertama serta denda RM15,000 atau penjara enam bulan bagi setiap pertuduhan kedua dan ketiga.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 22(1) akta yang sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Md Syafique Md Hilmie daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Labuan, manakala tertuduh diwakili peguam bela dari Tetuan Ehsan & Yeo.

Tertuduh bagaimanapun membayar denda tersebut. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

HARI:

RABU

TARIKH:

19/3/2025

M/SURAT:

6



空如也。  
有的。商店食用油断货，货架上空

**僅剩5公斤裝  
1人限購1瓶**



超市目前主要销售的是5公斤装食用油。

(瓜拉登嘉楼18日讯)瓜登市面食用油供应短缺，1公斤及2公斤装食用油目前缺货，仅有5公斤装供应市场需求，消费者的购买量也因此受到限制。

记者走访市区的霸市及超市，发现货架上仅剩5公斤装食用油，每名消费者只限购买一瓶。

此外，有的霸市食用油断货，货架上空空如也，仅剩价格较高的菜油和玉米油可供选择。

**凯鲁：**  
**供应商未能提供充足货源**

Sabusun武吉格芝尔分行经理莫哈末凯鲁受访时指出，食用油供应短缺问题已经在一个月前发生，至今供应商仍未提供充足的货源，大部份品牌的食用油已持续缺货。

他说，原本超市售卖8个品牌的食用油，但目前只有3个品牌正常供货，其余品牌则暂时断货。

“目前只有5公斤装食用油供应，2公斤及3公斤装的食用油仍然缺货，我们得到国内贸易及生活消费部的许可，每名消费者只能购买一瓶5公斤装食用油。”

他说，公司已向供应商订货，但供应商无法正常供货，也未提供具体原

因，因此，公司只能根据供应商到货的数量来进行销售，货源有限。

不过，他表示，尽管供货短缺，但至今尚未发生完全没有货的情况，消费者仍然能够买到食油。

**罗振豪：去年12月就发生**

另一方面，Xiri集团执行董事罗振豪表示，根据集团旗下超市主管的反映，食用油供应不足的问题自去年12月就已发生，至今仍持续存在，情况并未有所改善。

“我们向供应商订货，但无法获得所订购的数量，对方也未说明原因，我们只能等待对方补货。”

他说，今年农历新年期间曾发生断货情况，主要是来货数量较少，食用油一上架便迅速卖完。

“2公斤及3公斤装的食用油货源有限，供应并不稳定，而5公斤装的货源供应较为稳定，因此超市目前主要销售的是5公斤装食用油。”

他认为，由于这个月是斋戒月，加上开斋节即将来临，商贩、食肆和家庭的食用油需求量大幅增加，这进一步加剧了食用油短缺的情况。

## 每人收500助偷渡 船夫落網6非法移民逃脱

(巴西富地18日讯)一名船夫涉嫌非法移民偷渡活动，并向每人收取500令吉费用，该名45岁的船夫周日清晨在哥打峇鲁甘榜邦谷的河岸被大马海事执法机构执法人员逮捕，奈何，6名非法移民逃脱。

丹州海事执法机构指挥官依万沙表示，该局根据情报展开追蹤及调查后，于凌晨2时在吉兰丹河岸等候船夫和6名相信是缅甸籍非法移民上岸。

他说，执法人员在水上巡逻，最初并没有什么发现，后来，执法人员察觉到一舟可疑的船靠岸。

“执法人员成功逮捕了一名船夫，奈何，6名非法移民伺机逃往早在河岸等候的轿车，逃之夭夭。”

**搜获一移民护照手提袋**

他指出，执法人员事后在现场搜到一个手提袋，里面装有其中一名缅甸籍非法移民的护照。

他进一步表示，落网船夫的尿液检验不过关，对方承认，他收取每人500令

吉，将这些非法移民偷渡到吉兰丹。

“我们不排除，船夫是为了壮胆，所以在偷渡非法移民时吸食了毒品。”

该局将扣留该名船夫，以此案件展开进一步调查。



适逢开斋节即将来临，吉兰丹海事执法机构加强管制，以打击海上的走私及犯罪活动。（马新社图）



## PPM rampas 960kg gula cuba diseludup

TAWAU: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya merampas 960 kilogram gula putih tanpa permit dalam operasi di perairan Laut Sungai Pukol, di sini, semalam.

Dalam operasi Op Taring Gelora / OCP Selatan jam 5.46 petang itu, semua barang bersubsidi berkenaan dibawa menggunakan bot laju dipercayai cuba diseludup ke negara jiran.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Nazri Ibrahim berkata, Botronda PSC 10 berjaya menahan sebuah bot laju yang dikendalikan seorang lelaki berusia 28 tahun.

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 40 guni gula putih berjenama Prai berada di dalam bot berkenaan.

"Suspek gagal mengemukakan dokumen yang sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDSNH).

"Pasukan operasi terus menahan suspek dan mer-



DIRAMPAS .... Gula bersubsidi yang dipercayai cuba diseludup ke negara jiran.

ampas semua barang bersubsidi berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, rampasan melibatkan sebuah bot laju, enjin sangkut Yamaha 200HP, serta gula putih dengan nilai keseluruhan sebanyak RM97,688.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan

Bekalan 1961.

Sehubungan itu, Nazri berkata, pasukan PPM akan terus komited dalam usaha membanteras penyeludupan bahan bersubsidi demi memastikan sumber negara tidak disalahgunakan.

"PPM Tawau terus komited membanteras aktiviti penyeludupan di perairan negara," katanya. -FB



双方进行交流，交换意见。

## 根贸消部执法人员斋戒月 与合作部门促进交流

(山打根十八日讯) 山打根贸消部执法人员乘着斋戒月期间，更多与合作的部门交往，促进了解和今后的执法工作的协调，主任阿芝迪朱基里昨天较后时也造访了普通行动部队第十五营的长官，进行了短暂的交流。

贸消部主任阿芝迪朱基里等人来到普通行动部队时，由伊吉兰都指挥官亲自接待，双方寒暄一会后，进行讨论了几项工作内容，要点一；加强双方联盟的战略合作关系，二；共享情报信息，三；关于案件提交程序的讨论（应该做和不应该做），四；计划就 KPDN 法案（尤其是 AKB 1961）以及机构的案件提交程序举行宣传，五；筹划实施海陆一体化



贸消部阿芝迪朱基里（右）赠送纪念品给第十五营。

作战，六；向普通行动部队第 15 营指挥官提交一份《接收外部机构案件指南》。

同时，贸消部在此行中也赠送纪念品该第十五营，作为纪念。  
(11) (L3)

PENIAGA SEDEKAH MAKANAN TAK TERJUAL DI BAZAR RAMADAN

## 'Kami hantar ke masjid, surau'

Georgetown

Peniaga bazar Ramadhan di Pulau Pinang bersedekah dengan memberikan jualan yang tidak habis dijual kepada golongan memerlukan bagi mengelakkan berlaku pembaziran makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa negeri Jason H'ng Mooi Lye berkata, tindakan itu lebih relevan berbanding membuat lebihan pembaziran makanan atau minuman di gerai mereka.

"Bukan sahaja peniaga, tetapi pengunjung bazar-bazar Ramadhan di negeri ini juga amat peka dengan hal itu dan sentiasa memastikan tidak berlaku pembaziran makanan atau minuman di gerai mereka.

"Sekiranya ada lebihan makanan atau jualan yang tiada habis dijual, ada yang akan menyalurkan untuk sedekah kepada pihak yang memerlukan termasuk masjid, surau dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, pemantauan dijalankan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapat tahap kebersihan di bazar Ramadhan juga dalam keadaan memuaskan.

H'ng berkata, beberapa agensi lain termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang turut menjalankan pemantauan di bazar-bazar Ramadhan bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan



SERAMAI 10 mahasiswa Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pulau Pinang mengambil makanan berlebihan di Bazar Ramadan Bayan Lepas. Menurut Pengerusi Gerak Pengguna Siswa IPG Kampus Pulau Pinang, Harina Fatihah Rosli, program itu dibuat bagi mengelakkan pembaziran makanan berlebihan di Bazar Ramadan. Makanan yang dikutip dari peniaga Bazar Ramadan Bayan Lepas akan diederahkan kepada mahasiswa dan mahasiswa IPG kampus berkenaan.

ran dan aspek kebersihan yang sudah ditetapkan.

Selain itu, beliau berkata, kedua-dua Pihak Berkuala Tempatan (PBT) itu sangat menekankan isu warga asing berniaga di bazar Ramadhan kerana perkara itu sudah dimintakan dengan jelas dalam surat tawaran kepada peniaga.

"Sepanjang bulan puasa ini, terdapat 100 bazar Ramadhan di bazar Ramadhan dengan 4,574 peniaga

ga menjalankan pelbagai jualan makanan dan minuman. Setakat ini, kami mengambil tindakan terhadap dua gerai dikendalikan peniaga warga asing," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Pulau Pinang S Legan berkata, secara keseluruhan, pemeriksaan di bazar Ramadhan di

negeri itu sejak dua minggu lalu mendapat peniaga mempamerkan tanda harga dengan jelas dan berpatutan.

"Dalam tempoh dua minggu ini juga, kami hanya menerima tiga aduan di Pulau Pinang dan satu menghasilkan kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 manakala dua lagi masih dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga kuil-muhibah bazar Ramadhan di Bertam dekat sini, Nor Azizah Ahmad Kamal, 45, berkata, beliau dan peniaga di situ memang sedekah makanan yang tidak habis dijual kepada surau dan masjid di kawasan sekitar.

Beliau berkata, ada juga dalam kalangan peniaga menjual dengan harga murah menjelang waktu berbuka kerana bukan sahaja menghabiskan jualan, tetapi mengurangkan pembaziran.

"Kalau dalam jam 7.15 malam jualan masih banyak, selalunya kami jual beli satu percuma satu atau sedekahkan juga kepada pembeli yang datang lewat, kalau masih ada lagi yang tidak habis dan kuil masih elok memang terus hantar ke surau di sini," katanya.

HARI: RABU  
 TARikh: 19/3/2025  
 M/SURAT: 2

### PROGRAM MYSAVEFOOD

## Sebanyak 60.7 tan makanan bernilai RM726,000 diselamatkan

**Melaka:** Sebanyak 60.7 tan lebihan makanan dianggarkan bernilai RM726,000 diselamatkan daripada dibuang menerusi pelaksanaan Program MySaveFood pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Khalid Mohamed berkata, inisiatif itu membabitkan 149 bazar Ramadan di Perlis, Kedah, Pahang, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Lebihan makanan diselamatkan membabitkan jumlah tidak habis dijual pada niaga bazar Ramadan yang menyertai program itu dan



SUKARELAWAN mengumpulkan lebihan makanan yang tidak habis dijual dari peniaga bazar Ramadan ketika tinjauan di Bazar Ramadan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, kelmarin.

kemudiannya diagihkan kepada pelbagai pihak antaranya institusi pengajian tinggi, surau atau masjid dan taman perumahan.

"Pada tahun ini, kita jangkakan jumlah makanan diselamatkan lebih kurang sama tahun lalu kerana di Melaka sahaja, walaupun dalam tempoh beberapa hari, lebihan makanan dan minuman diselamatkan mencecah 4.8 tan."

"Lebihan makanan dan minuman itu diagihkan kepada golongan memerlukan, sekali gus mengelakkan pembaziran," katanya kepada selepas Program MySaveFood Ramadan di Bazar Ramadan Pusat Da-

gangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal) SWCorp Zulkifli Tamby Chik dan Pengarah SWCorp Melaka Nor Zaki Md Nor.

Mengulas lanjut, Khalid berkata, inisiatif itu bagi mengelakkan pembaziran, tetapi juga menyumbang kepada pengurangan jumlah sisa pepejal dibuang ke tapak pelupusan di negeri terbabit.

"Sebenarnya secara keseluruhan, kita mendapati jumlah sisa dilupuskan di tapak pelupusan sampah di tujuh negeri terbabit ber-

semesta dengan Ramadan setakat hari ini berkurang sebanyak 2.7 peratus berbanding bulan lain.

"Pengurangan itu membuktikan program MySaveFood Ramadan berjaya mengelak pembaziran, sekali gus memberi impak positif kepada peniaga dan penerima lebihan makanan terbabit," katanya.

Mengulas pelaksanaan program itu di Melaka, Khalid berkata, purata lebihan makanan dan minuman diselamatkan di empat bazar Ramadan mengambil bahagian iaitu MITC, Peringgit, Jasin Bestari dan Alor Gajah ialah 600 kilogram (kg) sehari.

## 60.7 tan lebihan makanan diselamatkan

**MELAKA** - Sebanyak 60.7 tan lebihan makanan dianggarkan bernilai RM726,000 diselamatkan daripada dibuang menerusi pelaksanaan Program MySaveFood, pada tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Khalid Mohamed berkata, inisiatif itu melibatkan 149 bazar Ramadan di Perlis, Kedah, Pahang, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Lebihan makanan diselamatkan melibatkan juadah tidak habis dijual oleh peniaga bazar Ramadan yang menyertai program itu dan kemudiannya diagihkan kepada pelbagai pihak antaranya ke institusi pengajian tinggi, surau atau masjid dan taman perumahan.

"Pada tahun ini, kita men-



FOTO: BERNAMA

Sukarelawan mengumpulkan lebihan makanan yang tidak habis dijual dari peniaga di Bazar Ramadan MITC Ayer Keroh pada Isnin.

jangkakan jumlah makanan diselamatkan lebih kurang sama dengan tahun lepas kerana di Melaka sahaja, walaupun dalam tempoh beberapa hari, lebihan makanan dan minuman diselamatkan mencecah 4.8 tan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program MySaveFood

Ramadan di Bazar Ramadan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Khalid berkata, inisiatif itu bukan sahaja mengelakkan pembaziran, tetapi juga menyumbang kepada pengurangan jumlah sisa pepejal dibuang ke tapak pelupusan di negeri terlibat.- Bernama

## Biskut raya Rahmah 'laku keras'

**BESUT** – Pendekatan seorang pengusaha menawarkan biskut raya pada harga lebih rendah berbanding pasaran membuatkan hasil apabila dia menerima lebih 300 tempahan menjelang Hari Raya Aidilfitri hujung bulan ini.

Nur Solehah Fitri, 27, berkata, walaupun rata-rata pengusaha menaikkan sekurang-kurangnya RM1 untuk sebekas biskut raya, namun dia masih mengekalkan harga yang lama.

Katanya, dia menjual biskut raya pada harga RM13 hingga RM16 sebekas bergantung kepada jenisnya.

"Kuantiti dan kualiti bahan digunakan untuk membuat biskut raya tidak dikurangkan bagi menjamin kepuasan pelanggan.

"Memang berlaku kenaikan bahan-bahan untuk membuat

biskut raya, namun saya tidak mahu mengambil keuntungan terlalu tinggi," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Renek di sini semalam.

Nur Solehah berkata, dia gembira dan puas sekiranya biskut raya resipi ibunya itu mendapat sambutan dan dinikmati oleh ramai orang.

Wanita itu menawarkan sebanyak 11 jenis biskut raya seperti tat nenas dan coklat, semperit susu dan klasik, florentine serta almond London.

"Saya hanya membuat biskut raya berdasarkan tempahan yang mula diterima sejak awal Ramadan baru-baru ini. Alhamdulillah setakat ini saya sudah menerima lebih 300 tempahan daripada pelanggan dari sekitar daerah ini," katanya.



NUR SOLEHAH menunjukkan biskut raya jualannya ketika ditemui di Kampung Renek, Besut semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 19 MAC 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Mar	Kerajaan perkenal garis panduan baharu pengurusan royalti muzik	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/718253/berita/nasional/kerajaan-perkenal-garis-panduan-baharu-pengurusan-royalti-muzik">https://www.sinarharian.com.my/article/718253/berita/nasional/kerajaan-perkenal-garis-panduan-baharu-pengurusan-royalti-muzik</a>	SINAR HARIAN
19-Mar	Pengurusan Royalti Muzik Perlu Ditambah Baik, Lindungi Hak Karyawan - Arminzan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2403396">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2403396</a>	BERNAMA
19-Mar	KPDN perkenal garis panduan baharu, perkukuh pengurusan royalti muzik	<a href="https://berita.rtm.gov.my/hiburan/senarai-berita-hiburan/senarai-artikel/kpdn-perkenal-garis-panduan-baharu-perkukuh-pengurusan-royalti-muzik">https://berita.rtm.gov.my/hiburan/senarai-berita-hiburan/senarai-artikel/kpdn-perkenal-garis-panduan-baharu-perkukuh-pengurusan-royalti-muzik</a>	RTM
19-Mar	Tribunal Hak Cipta Malaysia mula dengar kes pertama 19 Mac	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tribunal-hak-cipta-malaysia-mula-dengar-kes-pertama-19-mac-512838">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tribunal-hak-cipta-malaysia-mula-dengar-kes-pertama-19-mac-512838</a>	ASTRO AWANI
19-Mar	MyIPO platform perkasa dan lindungi karya penggiat seni	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/myipo-platform-perkasa-dan-lindungi-karya-penggiat-seni/">https://www.buletintv3.my/nasional/myipo-platform-perkasa-dan-lindungi-karya-penggiat-seni/</a>	TV3
19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tidak letak tanda harga	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-harga-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-harga-</a>	ASTRO AWANI
19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tidak letak tanda harga	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/17/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-harga">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/17/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-harga</a>	UTUSAN BORNEO
19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tidak letak tanda harga	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1197871/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-harga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1197871/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-harga</a>	HARIAN METRO

19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tak letak tanda harga	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1373713/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tak-letak-tanda-harga">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1373713/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tak-letak-tanda-harga</a>	BERITA HARIAN
19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tidak letak tanda harga	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/17/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-">https://www.tvsarawak.my/2025/03/17/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-tidak-letak-tanda-</a>	TVS
19-Mar	Op Pantau: Masih ada peniaga tidak letak tanda harga	<a href="https://selangorkini.my/2025/03/op-pantau-masih-ada-peniaga-tidak-letak-tanda-harga/">https://selangorkini.my/2025/03/op-pantau-masih-ada-peniaga-tidak-letak-tanda-harga/</a>	SELANGOR KINI
19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tidak letak tanda harga	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/718195/edisi/selangor-kl/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-">https://www.sinarharian.com.my/article/718195/edisi/selangor-kl/masih-ada-peniaga-bazar-ramadan-</a>	SINAR HARIAN
19-Mar	Masih ada peniaga bazar Ramadan tidak letak tanda harga	<a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2403285">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2403285</a>	BERNAMA
19-Mar	4 ditahan disyaki terbabit sindiket penyelewengan gas LPG di Shah Alam	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/4-ditahan-disyaki-terbabit-sindiket-penyelewengan-gas-lpg-di-shah-alam/">https://www.buletintv3.my/nasional/4-ditahan-disyaki-terbabit-sindiket-penyelewengan-gas-lpg-di-shah-alam/</a>	TV3
19-Mar	Premis seleweng LPG diserbu, nilai rampasan lebih RM200,000	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1373944/premis-seleweng-lpg-diserbu-nilai-rampasan-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1373944/premis-seleweng-lpg-diserbu-nilai-rampasan-</a>	BERITA HARIAN
19-Mar	KPDN bongkar premis seleweng gas LPG cecah RM200,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-bongkar-premis-seleweng-gas-lpg-cecah-rm200-000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-bongkar-premis-seleweng-gas-lpg-cecah-rm200-000</a>	RTM
19-Mar	Stor haram LPG diserbu, 608 tong gas bersubsidi dirampas	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/18/stor-haram-lpg-diserbu-608-tong-gas-bersubsidi-dirampas/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/18/stor-haram-lpg-diserbu-608-tong-gas-bersubsidi-dirampas/</a>	KOSMO

19-Mar	KPDN serbu stor haram seleweng LPG, sita 608 tong	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-stor-haram-seleweng-lpg-sita-608-tong-512953">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-stor-haram-seleweng-lpg-sita-608-tong-512953</a>	ASTRO AWANI
19-Mar	KPDN raids illegal store, 608 LPG cylinders seized	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-illegal-store-608-lpg-cylinders-seized-FL13815462">https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-illegal-store-608-lpg-cylinders-seized-FL13815462</a>	THE SUN
19-Mar	KPDN bongkar stor haram seleweng LPG	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/718324/berita/semasa/kpdn-bongkar-stor-haram-seleweng-lpg">https://www.sinarharian.com.my/article/718324/berita/semasa/kpdn-bongkar-stor-haram-seleweng-lpg</a>	SINAR HARIAN
19-Mar	Sindiket seleweng LPG tumpas, 4 ditahan	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1198096/sindiket-seleweng-lpg-tumpas-4-ditahan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1198096/sindiket-seleweng-lpg-tumpas-4-ditahan</a>	HARIAN METRO
19-Mar	Simpan 44,000 Liter Diesel Tanpa Lesen, Peniaga Didenda RM90,000	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2403271">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2403271</a>	BERNAMA
19-Mar	Domestic Trade Ministry seizes close to 6,000kg of subsidised LPG in raid	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/18/domestic-trade-ministry-seizes-close-to-6000kg-of-subsidised-lpg-in-raid">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/18/domestic-trade-ministry-seizes-close-to-6000kg-of-subsidised-lpg-in-raid</a>	THE STAR
19-Mar	Simpan 44,000 liter diesel tanpa lesen, peniaga di denda RM90,000	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/718213/berita/semasa/simpan-44000-liter-diesel-tanpa-lesen-peniaga-di-denda-rm90000">https://www.sinarharian.com.my/article/718213/berita/semasa/simpan-44000-liter-diesel-tanpa-lesen-peniaga-di-denda-rm90000</a>	SINAR HARIAN
19-Mar	Lelaki didenda RM90,000 miliki 44,000 liter diesel tanpa lesen sah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-didenda-rm90-000-miliki-44-000-liter-diesel-tanpa-lesen-sah">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-didenda-rm90-000-miliki-44-000-liter-diesel-tanpa-lesen-sah</a>	RTM
19-Mar	Peniaga Bazar Ramadan Sedekah Jualan Tidak Habis Kepada Golongan Memerlukan	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2403372">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2403372</a>	BERNAMA
19-Mar	Penang KPDN seizes various fake luxury brand goods valued at over RM30,000	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-seizes-various-fake-luxury-brand-goods-valued-at-over-rm30000-CL13815250">https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-seizes-various-fake-luxury-brand-goods-valued-at-over-rm30000-CL13815250</a>	THE SUN

19-Mar	Padah jual beg LV, Gucci, Chanel tiruan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/18/padah-jual-beg-lv-">https://www.kosmo.com.my/2025/03/18/padah-jual-beg-lv-</a>	KOSMO
19-Mar	Premis jual barang tiruan berjenama mewah diserbu	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/premis-jual-barang-tiruan-">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/premis-jual-barang-tiruan-</a>	UTUSAN
19-Mar	KPDN Rampas Pelbagai Barang Jenama Mewah Tiruan Bernilai Lebih RM30,000	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2403521">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2403521</a>	BERNAMA
19-Mar	Penang Ramadan bazaar traders donate unsold items to those in need	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/18/penang-ramadan-bazaar-traders-donate-unsold-items-to-">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/18/penang-ramadan-bazaar-traders-donate-unsold-items-to-</a>	THE STAR